



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
(MARA)**

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 Kuala Lumpur

Bil MARA : MARA 100-1/5/10(8)
Tarikh : 27 Disember 2019
30 Rabiulakhir 1441H

**SURAT EDARAN BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO DAN INSPEKTORAT
MARA BIL. 6/2019**

**PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI (PK)
STANDARD PENDIDIKAN MARA (SPMa) 2019 SECARA *ONLINE***

1. TUJUAN

- 1.1 Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Institusi Pendidikan MARA (IPMa) bahawa pelaksanaan Penilaian Kendiri (PK) Standard Pendidikan MARA (SPMa) 2019 secara *online* melalui **MARA Quality Management System (MMS)** akan dilaksanakan mulai **06 Januari 2020 (Isnin) sehingga 14 Februari 2020 (Jumaat)**.
- 1.2 Edaran ini juga bertujuan untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaksana SPMa Pusat (JPSP) yang telah dilantik oleh Pegawai Mengawal Pusat (PMP) mengenai proses pengisian data PK SPMa 2019 yang boleh dirujuk seperti di lampiran 1, 2, 3, 4 dan 5.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 SPMa telah dilaksanakan secara manual di IPMa mulai tahun 2009 selaras dengan Surat Pekeliling Am MARA Bil 8/2009. Penilaian Kendiri secara *online* melalui *MARA Quality Management System* (MMS) mula dilaksanakan pada tahun 2011.
- 2.2 Pada masa ini, IPMa yang terlibat dengan pelaksanaan PK SPMa secara *online* adalah seperti berikut :
- I. Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)
 - II. MARA Japan Industrial Institute (MJII)
 - II. Kolej Profesional MARA (KPM)
 - III. Kolej MARA (KM)
 - IV. Institut Kemahiran MARA (IKM)
 - V. Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)
 - VI. GIATMARA
- 2.3 Berikutan perubahan dalam pengurusan pendidikan yang sentiasa berlaku penambahbaikan, satu Bengkel Penambahbaikan Instrumen SPMa telah diadakan pada 23 - 25 April 2018. Hasil daripada bengkel tersebut terdapat penambahbaikan pada aspek kriteria dan item SPMa seperti di dalam jadual di bawah :

| Bil | Aspek Lama | IPMa yang terlibat |
|------------|-------------------|---------------------------|
| 1. | Standard Amalan 1 | Semua IPMa |
| 2. | Standard Amalan 2 | Semua IPMa |
| 3. | Standard Amalan 3 | Semua IPMa |
| 4. | Standard Amalan 4 | Semua IPMa |
| 5. | Standard Amalan 5 | Semua IPMa |

Jadual 1: Aspek Standard Amalan Lama

| Bil | Aspek Baru | IPMa yang terlibat |
|------------|-------------------|---------------------------|
| 1. | Standard Amalan 1 | Semua IPMa |
| 2. | Standard Amalan 2 | Semua IPMa |
| 3. | Standard Amalan 3 | Semua IPMa |
| 4. | Standard Amalan 4 | Semua IPMa |
| 5. | Standard Amalan 5 | Semua IPMa |
| 6. | Standard Amalan 6 | MRSM Sahaja |

Jadual 2: Aspek Standard Amalan Baru

Aspek Standard Amalan Baru telah digunapakai semasa Penilaian Kendiri SPMa 2018.

- 2.4 Penilaian Kendiri bagi semua Standard Amalan SPMa perlu dilengkapkan oleh IPMa untuk diverifikasi oleh Pegawai Verifikasi Penarafan Bintang IPMa (*Star Rating in MARA Institutions, STRIM*) bagi tujuan penganugerahan Sijil STRIM. Markah penilaian SPMa akan menyumbang sebanyak 50% dalam pemarkahan STRIM disamping markah penilaian Pengurusan Aset dan Fasiliti.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Mengenalpasti kelemahan dan kekuatan pengurusan pendidikan di institusi berdasarkan laporan Standard Amalan SPMa IPMa.
- 3.2 Membantu IPMa merancang strategi Pelan Tindakan Penambahbaikan.
- 3.3 Memantau pengurusan pendidikan di IPMa.

4. PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI SPMa 2019 SECARA ONLINE

- 4.1 Pegawai Mengawal Pusat (PMP) **perlu melantik** Jawatankuasa Pelaksana Standard Pendidikan MARA Pusat (JPSP) melalui surat perlantikan di pusat masing-masing. Jawatankuasa Pelaksana SPMa Pusat terdiri daripada IPMa-Admin, IPMa-AJK, IPMa-Setiausaha dan IPMa-PMP.

- 4.2 JPSP dikehendaki melaksanakan PK SPMa 2019 dan memastikan setiap item yang dinilai **mempunyai dokumen sokongan yang lengkap dan difailkan mengikut Standard Amalan** yang betul.
- 4.3 Pelaksanaan PK SPMa 2019 adalah berdasarkan kepada aktiviti dan program IPMa yang dijalankan **daripada tarikh 01 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019**. Pelaksanaan PK SPMa 2019 secara *online* akan **bermula pada 06 Januari 2020 sehingga 14 Februari 2020**.
- 4.4 Bagi mengelakkan kesesakan pada Sistem MMS, pengisian PK mengikut IPMa telah dijadualkan seperti di bawah. Akses capaian Sistem MMS akan dibuka kepada IPMa berkenaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan sahaja.

| Tempoh | Pengisian PK |
|------------------------------|------------------------------------|
| 06 – 17 Januari 2020 | IKM, KKTM, MJII, KPM dan KM |
| 20 – 31 Januari 2020 | GIATMARA |
| 03 – 14 Februari 2020 | MRSM |

Jadual 3: Tempoh Pengisian PK SPMa mengikut IPMa

- 4.5 Memandangkan keperluan Standard Pendidikan yang berbeza bagi setiap IPMa, Mesyuarat Jawatankuasa Standard Pendidikan MARA Peringkat Ibu Pejabat (JPSI) Bil.2/2019 pada 17 Disember 2019 telah memutuskan set soalan SPMa disediakan mengikut kategori berikut:

| Set Soalan | Pengisian PK |
|---------------------------|------------------------------------|
| Set SPMa 2019 | IKM, KKTM, MJII, KPM dan KM |
| Set SPMa 2019 GM | GIATMARA |
| Set SPMa 2019 MRSM | MRSM |

Jadual 4: Kategori Set Soalan mengikut IPMa

- 4.6 Pihak **IPMa-Admin** perlu terlebih dahulu mengemaskini maklumat IPMa masing-masing sebelum melaksanakan PK. (**rujuk Lampiran 1**).
- 4.7 Carta aliran kerja **IPMa-AJK, IPMa-Setiausaha** dan **IPMa-PMP** boleh dirujuk pada **Lampiran 2-4**.
- 4.8 IPMa-AJK perlu memastikan Pelan Tindakan Penambahbaikan (PTP) diisi dengan betul. IPMa-Setiausaha dan IPMa-PMP perlu menyemak PTP sebelum dihantar ke pihak BPIN (**rujuk Lampiran 5**).

5. TANGGUNGJAWAB PENGAWAL PUSAT

Pegawai Mengawal Pusat (PMP) IPMa adalah bertanggungjawab melantik dan memaklumkan kepada Ahli Jawatankuasa JPSP di pusat masing-masing mengenai pelaksanaan PK SPMa 2019. PMP juga hendaklah memastikan PK SPMa dan PTP diisi dengan betul serta dihantar mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual 3 (Tempoh Pengisian PK SPMa mengikut IPMa).

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,




NOR ZAINI BINTI ABU KASSIM

Pengarah


Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat

MARA


Carta Aliran Kerja IPMa-Admin




Carta Aliran Kerja IPMa-AJK



Carta Aliran Kerja IPMa-Setiausaha



Carta Aliran Kerja IPMa-PMP



Panduan Mengisi Pelan Tindakan Penambahbaikan (PTP) Bagi PK SPMa

1. Mengadakan mesyuarat JPSP untuk membincangkan PTP bagi IPMa masing-masing.
2. PTP diwajibkan bagi aspek-aspek yang mendapat skor kurang dari 80% sahaja. Walau bagaimanapun, pihak JPSP boleh juga membincangkan PTP bagi aspek-aspek yang melebihi skor 80% tetapi masih terbuka untuk penambahbaikan.
3. Pastikan strategi yang ingin dilaksanakan boleh dicapai oleh AJK JPSP di dalam bidang kuasa PMP. Sila lihat contoh PTP di bawah.



**PELAKSANAAN STANDARD PENDIDIKAN MARA (SPMa)
PELAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (PTP)**

PUSAT : IPMa XYZ
STANDARD AMALAN : Amalan Profesion Pendidik MARA
ASPEK : ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
PERMASALAHAN : Kekurangan Kelengkapan ICT
FAKTOR KEJAYAAN : Menyediakan Kelengkapan dan Kemudahan ICT

| Pencapaian Skor | | |
|-----------------|---------|---------|
| Kini | Sasaran | Wajaran |
| 2.0 | 2.8 | 3.00 |

| Bil. | Strategi | Sumber Yang Diperlukan | | | Pegawai Bertanggungjawab | Jangkamasa Pelaksanaan | |
|------|---|------------------------|----------|--------|--------------------------|------------------------|-----------|
| | | Manusia | Kewangan | Alatan | | Mula | Akhir |
| 1 | Menyediakan kertas kerja untuk pembelian alatan kelengkapan ICT | 1 | RM50000 | - | Pegawai ICT | 3.3.2020 | 10.3.2020 |
| 2 | Menyediakan Lampiran F bagi tujuan perolehan | 1 | RM50000 | - | Pegawai ICT | 3.3.2020 | 10.3.2020 |

Sekiranya peruntukan sedia ada

Sekiranya perlukan peruntukan